

# 'Tak tangguh ambil alih 4 lebuhraya'

## PM turut sangkal laporan pelan dimulakan tanpa kelulusan Kabinet

Oleh Wan Faizal Ismayatim, Suhaila Shahrul Annuar dan Mahanum Abdul Aziz  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Tun Dr Mahathir Mohamad menafikan kerajaan menanggungkan pengambilalihan konsesi empat lebuhraya utama di Lembah Klang untuk membolehkan kajian semula dijalankan.

Perdana Menteri turut menyangkal laporan berita yang mengatakan pelan pengambilalihan lebuhraya membabitkan kos RM6.2 bilion itu dimulakan tanpa kelulusan Kabinet.

"Tidak, tidak seperti itu. Kabinet diberitahu mengenai rancangan ini oleh Kementerian Kewangan dan kami tidak mengatakannya tidak.

"Tetapi tarikh pelaksanaan yang akan diputuskan oleh Kabinet," katanya kepada media selepas merasmikan Persidangan Meja Bulat Bersama Komuniti Dewan Perniagaan Antarabangsa di sini, semalam.

Dr Mahathir diminta mengulas laporan *The Straits Times* bahawa kerajaan Malaysia menanggungkan rancangan pengambilalihan konsesi lebuhraya berkenaan berikutan percanggahan pendapat kalangan anggota Kabinet.

Ia antara lain disebabkan wujud keimbangan harga yang di-

tawarkan itu terlalu tinggi dan hasil 'caj kesesakan' yang dikutip kelak tidak mampu membayar balik kos pembelian itu.

Laporan akhbar Singapura itu juga mendakwa Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, membuat tawaran kepada syarikat konsesi tanpa persetujuan Kabinet.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata Kementerian Kewangan begitu yakin pengambilalihan itu boleh dilaksanakan walaupun ketika kerajaan tiada wang, namun Kabinet akan memutuskan bila ia boleh dilaksanakan.

"Kementerian Kewangan nampak yakin ia boleh dilaksanakan. Tetapi masalahnya ialah kita tiada wang.

"Tetapi Kementerian Kewangan kata dengan mengenakan caj pada waktu puncak, mereka boleh mengumpul dana yang mencukupi untuk membiayai pengambilalihan keempat-empat lebuhraya itu. Kita akan tengok nanti sama ada cukup atau tidak," katanya.

Jun lalu, kerajaan menerusi Kementerian Kewangan Diperbadankan (MOF Inc) mengemukakan tawaran pengambilalihan kepentingan dalam empat pengendalian lebuhraya utama membabitkan nilai RM6.2 bilion.

Empat lebuhraya terbabit ialah Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) pada nilai RM2.47 bilion; Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn Bhd (SPRINT) pada nilai RM1.984 bilion; Lebuhraya Shah Alam (KESAS) pada nilai RM1,377 bilion dan Syarikat Mengurus Air Banjar dan Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjar (SMART) pada nilai RM369 juta.

Guan Eng sebelum ini dilaporkan berkata, pengambilalihan empat lebuhraya itu dijadualkan selesai 31 Disember ini, manakala pelaksanaan caj kesesakan bermula pada 1 Januari 2020.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia pada 21 Jun lalu, Gamuda Bhd yang juga pemegang saham terbesar dalam keempat-empat pengendali lebuhraya terbabit, menyatakan ia menerima surat tawaran daripada MOF Inc bagi mengambil alih semua kepentingan termasuk saham biasa, saham keutamaan dan saham pinjaman.

Tawaran itu akan dilaksanakan oleh sebuah syarikat tujuan khas (SPV) yang dimiliki sepenuhnya oleh MOF Inc yang akan dikenal pasti kemudian.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ir Amiruddin Hamzah, berkata nilai RM6.2 bilion bagi cadangan pengambilalihan empat lebuhraya utama itu bukan angka yang muktamad.

Beliau berkata, nilai muktamad akan diperoleh selepas proses ketekunan wajar terperinci selesai.

"Jika proses ketekunan wajar mendapati nilai itu terlalu rendah atau terlalu tinggi...sesuatu perlu dilakukan. Ia (RM6.2 bilion) bukan muktamad," katanya ketika ditemui pada Islamic Finance INNOFEST 2019 di Kuala Lumpur, semalam.

Mengulas lanjut, Amiruddin berkata penilaian terperinci dibuat bagi memastikan hasrat kerajaan seperti yang dijanjikan dalam manifesto sama ada mengurangkan dan akhirnya menghapuskan tol ditunaikan.